

Bil. S 76

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) (BIL. 6), 2001

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 20 haribulan Mei, 2000 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, dua ratus lapan puluh satu juta, lapan ratus tujuh puluh ribu, empat ratus tujuh puluh empat ringgit (\$3,281,870,474.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (2000), 1999;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan puluh sembilan juta, enam ratus empat puluh tujuh ribu, lima ratus dua puluh tiga ringgit dan empat puluh satu sen (\$99,647,523.41) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (2000) (Bil. 1), 2000;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tujuh juta, sembilan ratus tiga puluh sembilan ribu, lima ratus lapan puluh ringgit dan tiga puluh dua sen (\$7,939,580.32) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 2), 2000;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang enam ratus tiga puluh lima juta, dua ratus lapan puluh satu ribu ringgit (\$635,281,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 3), 2000;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebelas juta, tujuh ratus enam puluh dua ribu, tiga ratus dua puluh lima ringgit dan enam puluh sembilan sen (\$11,762,325.69) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 4), 2000;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh satu juta, enam ratus tiga puluh satu ribu, tujuh ratus sembilan puluh empat ringgit dan dua puluh sen (\$31,631,794.20) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 5), 2001;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak satu ratus empat juta, lima ratus tiga puluh tiga ribu, dua ratus lima puluh sembilan ringgit dan dua puluh sen (\$104,533,259.20);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh cerai-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 6), 2001.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2000 dan memperuntukkan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari satu ratus empat juta, lima ratus tiga puluh tiga ribu, dua ratus lima puluh sembilan ringgit dan dua puluh sen (\$104,533,259.20) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 2000 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (2000), 1999, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (2000) (Bil. 1), 2000, Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 2), 2000, Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 3), 2000, Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 4), 2000 dan Perintah Perbekalan Tambahan (2000) (Bil. 5), 2001 adalah dengan ini dibenarkan.

- (2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
JABATAN PERDANA MENTERI		
S.A1	Jabatan Perdana Menteri	\$ 2,905,003.00
S.A2	Adat Istiadat	\$ 1,120,374.00

JADUAL (Sambungan)

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
S.A3	Audit	\$ 238,196.00
S.A4	Biro Kawalan Narkotik	\$ 534,205.00
S.A5	Biro Mencegah Rasuah	\$ 960,059.00
S.A8	Radio Televisyen Brunei	\$ 2,408,414.00
S.A9	Penerangan	\$ 45,557.00
S.A12	Polis Diraja Brunei	\$ 12,671,239.00
S.A14	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$ 1,496,461.00
S.G1	Bahagian Undang-Undang	\$ 76,367.00
S.G2	Kehakiman	\$ 1,202,232.00
S.G3	Pencetak Kerajaan	\$ 115,358.00
KEMENTERIAN KEWANGAN		
S.D3	Kastam dan Eksais Diraja	\$ 524,847.00
S.D51	Jabatan Perbendaharaan	\$ 2,042,747.00
S.D7	Jabatan Tabung Amanah Pekerja	\$ 21,377.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
S.E1	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$ 328,421.00
S.E2	Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	\$ 5,137,720.00
S.E5	Pejabat Buruh	\$ 408,620.00
S.E6	Pejabat Daerah Brunei dan Muara	\$ 767,717.00
S.E7	Pejabat Daerah Belait	\$ 40,383.00
S.E11	Jabatan Penjara	\$ 1,179,959.00
S.E12	Jabatan Perkhidmatan Bomba	\$ 3,473,778.00
KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
S.F2	Universiti Brunei Darussalam	\$ 5,900,948.00

JADUAL (Sambungan)

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA	
S.H1	Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	\$ 1,289,923.00
S.H3	Jabatan Perikanan	\$ 138,076.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
S.J1	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$ 16,283,653.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
S.K1	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$ 133,454.00
S.K2	Jabatan Kemajuan Perumahan	\$ 1,048,477.00
S.K3	Jabatan Kerja Raya	\$ 18,627,665.00
S.K6	Jabatan Tanah	\$ 288,771.00
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
S.L1	Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$ 3,083,935.00
S.L2	Dewan Bahasa dan Pustaka	\$ 758,066.00
S.L3	Jabatan Belia dan Sukan	\$ 5,449,506.00
S.L41	Muzium	\$ 2,583,565.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
S.M1	Jabatan Kementerian Kesihatan	\$ 3,977,923.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	
S.N1	Jabatan Kementerian Perhubungan	\$ 170,183.00
S.N3	Jabatan Pelabuhan	\$ 105,275.00
S.N4	Jabatan Penerbangan Awam	\$ 4,421,825.20
S.N5	Jabatan Pengangkutan Darat	\$ 1,174,523.00
S.N6	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$ 592,783.00

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL (Sambungan)

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
S.N7	Jabatan Telekom	\$ 805,674.00
		\$104,533,259.20

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Ramadan, 1422 Hijrah bersamaan dengan 20 haribulan November, 2001 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**